

Pelantikan hakim ikut Perlembagaan - Anwar

UTUSAN MALAYSIA

07 JUL 2025

m/s: 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, proses pelantikan hakim-hakim di negara ini dibuat mengikut Perlembagaan Persekutuan dan tidak pernah mencampurinya.

Perdana Menteri berkata, proses pelantikan hakim melibatkan beberapa peringkat termasuk cadangan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, penilaian Perdana Menteri, perkenaan Yang di-Pertuan Agong, dan pembentangan kepada Majlis Raja-Raja.

Katanya, sebagai Perdana Menteri, keutamaan beliau adalah mempertahankan kebebasan badan kehakiman dan menjamin agar tiada mana-mana pihak termasuk elit politik atau kumpulan berkepentingan mampu mempengaruhi sistem perundangan negara.

"Saya ditegur, ada pula kempen kata mesti sambung, jangan sambung (tempoh perkhidmatan hakim). Apabila sesebuah institusi yang sepatutnya bebas dan berintegriti dipolitikkan, ia memberi gambaran yang tidak sihat.

"Saya tidak campur dalam mana-mana keputusan pelantikan, dan saya elakkan daripada bertemu hakim-hakim kanan, melainkan Ketua Hakim Negara, itu pun bagi perbincangan pentadbiran, bukan soal kes," katanya berucap pada perjumpaan Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini semalam.

Anwar turut bimbang apabi-



ANWAR Ibrahim berucap pada majlis perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadilah Yusof serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar (dua, kanan).

la isu pelantikan atau penyambungan kontrak hakim dijadikan bahan perdebatan umum sehingga menimbulkan tohmahan tidak berasas, termasuk tuduhan wujudnya campur tangan politik.

Katanya, jika penyambungan dibuat, ia dituduh sebagai pengkhianatan, sebaliknya jika tidak disambung, ia juga dikatakan satu bentuk pengkhianatan.

"Ini tidak wajar. Kalau hari ini Ketua Setiausaha Negara (KSN) hendak bersara enam bulan lagi, kemudian ada pula kempen habis-habisan supaya disambung atau jangan disam-

bung, bagaimana kita hendak tadbir negara dengan baik?

"Isu pelantikan badan kehakiman bukan soal suka atau tidak suka mana-mana pihak, bukan ikut selera politik atau kelompok tertentu," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak pernah campur dalam keputusan mana-mana hakim.

"Kalau mereka nak beri DNAA (lepas tanpa dibebaskan), itu bukan urusan saya. Kalau mereka tak beri, pun bukan urusan saya.

"Saya lihat dalam dua kes besar baru-baru ini - satu berkait Datuk Seri Najib Tun Razak, satu lagi Syed Saddiq Syed Ab-

dul Rahman - kedua-duanya mendapat DNAA. Tapi dua-dua pihak ada pandangan bertentangan. Maka jelas, ini bukan soal prinsip tetapi pandangan politik masing-masing.

"Kalau kita mahu undang-undang dan institusi dihormati, maka kita mesti patuh kepada proses, bukan kepada tekanan luar.

"Saya baca semua pandangan - daripada peguam elit sehinggalah badan Islam - namun akhirnya keputusan mesti berpandukan prinsip Perlembagaan dan lunas undang-undang, bukan berdasarkan populariti atau desakan politik," katanya.